

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK
KAWASAN : SEREMBAN
TARIKH : 24 MAC 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek pelebaran Lebuhraya Utara Selatan untuk jajaran di antara Kuala Lumpur dan Seremban, tarikh siap projek, kos projek tersebut dan langkah-langkah keselamatan yang diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pelebaran lorong keempat antara Nilai – Seremban sepanjang 22 kilometer ialah merupakan sebahagian daripada skop Projek Membina Lorong Tambahan Lebuhraya PLUS di sekitar Lembah Klang yang melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 63 kilometer. Kawasan Lebuhraya PLUS lain yang terlibat dengan projek ini ialah Rawang – Sg. Buloh (13 kilometer), Shah Alam – Sg. Buloh (16 kilometer), Bukit Lanjan – Jalan Duta (7 kilometer) dan persimpangan Nilai (5 kilometer).

Projek bernilai RM1.44 bilion ini telah dimulakan pada bulan Julai 2012 untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik yang mendesak di Lembah Klang. Sehingga 1 Mac 2015, kemajuan keseluruhan projek membina lorong keempat PLUS ini (termasuk laluan Nilai – Seremban) telah mencapai tahap kemajuan 93% siap dan ia dijangka akan siap keseluruhannya sebelum bulan September 2015. Pihak PLUS telah melaksanakan pelan pengurusan trafik bagi meningkatkan ciri keselamatan di laluan yang terlibat. Ini termasuklah menambah bilangan papan tanda amaran, 'road marking' sementara, pemasangan pengadang keselamatan, dan memastikan lampu jalan sentiasa berfungsi pada waktu malam.

Sekian. Terima kasih.